

23 JUL 1996
Rahim-Rukun
PM LANCAR RUKUN PEMUDA 13 OGOS

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan "Rukun Pemuda" yang merangkumi cita-cita perjuangan Pergerakan Pemuda Umno, di Johor Baharu pada 13 Ogos.

Ketua Pergerakan itu, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata, lima anggota pergerakan daripada setiap bahagian Umno akan menyertai majlis pelancaran oleh Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno itu.

"Rukun Pemuda amat penting kerana ia mempunyai pendekatan kerohanian untuk membanteras gejala-gejala negatif seperti penyalahgunaan kuasa dan politik wang," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Lembaga Penasihat Institut Kajian Patriotisme Malaysia (IKPIM) di Universiti Malaya, di sini hari ini.

Rukun Pemuda ialah:

- + Pemuda Penggerak Kecemerlangan Islamiah;
- + Pemuda Penggerak Wawasan Negara;
- + Pemuda Penggempur Penyakit Sosial;
- + Pemuda Pemelihara Kepentingan-kepentingan Rumpun Melayu;
- + Pemuda Adalah Benteng Perpaduan Rumpun Melayu; dan
- + Pemuda Pelindung Keunggulan Politik Rumpun Melayu.

Abdul Rahim berkata, Johor Baharu dipilih sebagai tempat pelancaran kerana di situlah Umno ditubuhkan pada 11 Mei 1946.

"Melalui Rukun Pemuda, semua idealisme perjuangan Pergerakan Pemuda dirumuskan dalam gagasan yang mudah difahami dan dihayati supaya anggota Pemuda benar-benar mampu menjadi jambatan kesinambungan perjuangan parti," katanya.

Katanya, segala persiapan untuk majlis pelancaran itu sedang diatur oleh Ibu Pejabat dan Urusetia Pergerakan Pemuda Umno.

Abdul Rahim juga berkata, sebarang aduan mengenai penggunaan nama Dr Mahathir atau Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim di kalangan calon bagi jawatan tertinggi pergerakan itu, boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Pemuda Umno yang dipengerusikan Naib Ketuanya, Datuk Nazri Abdul Aziz.

Setakat ini tiada aduan diterima mengenai perkara itu, katanya.

Semalam, Dr Mahathir, ketika diminta mengulas mengenai penggunaan nama beliau oleh sesetengah calon yang bertanding bagi pelbagai jawatan parti untuk pemilihan Oktober ini, berkata beliau tidak mempunyai sebarang calon proksi. -- BERNAMA

AH NMO